

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**IEK 209 – Sistem Perundangan Persekitaran, Kesihatan
dan Keselamatan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Kaji senario di bawah dan nyatakan perundangan yang terlibat dengan memberi ulasan anda.

'Satu buah kilang bernama ABCD Sdn Bhd terletak di tepi sungai pada lokasi sebelum takat pengambilan air minum. Kilang tersebut memproseskan kertas berguna untuk dibuat kertas baru. Ada maklumat yang diterima yang mengatakan bahawa telah berlaku satu tumpahan bahan kimia di tapak kilang dan baunya telah membuat beberapa pekerja jatuh sakit. Beberapa pegawai agensi kerajaan telah menyiasat kilang tersebut. Sampel bahan kimia dan tanah telah diambil, beberapa pekerja telah ditemubual dan gambar juga dirakamkan. Semasa lawatan pihak berkuasa dibuat, didapati bahawa effluen yang dilepaskan tidak dirawat kerana sistem rawatan air kumbah tidak beroperasi. Satu arahan henti operasi telah diarahkan dan pihak kilang diminta memperbaiki peralatan tersebut dalam masa yang diberikan. Sampel effluen diambil dan pihak kilang telah di dakwa di mahkamah. Pihak pengurusan merayu untuk terus operasi dengan berjanji membuat penyiasatan dan pembaikan terhadap sistem rawatan air kumbah tersebut.'

(20 markah)

2. Andaikan anda seorang pegawai EHS untuk suatu kilang yang menjanakan bahan buangan terjadual. Pihak JAS menasihatkan anda untuk mengendalikan bahan tersebut dengan cara yang ditetapkan. Nyata segala proses yang anda harus lakukan dalam pengendalian bahan tersebut bermula dengan penjanaannya sehingga pelupusan bahan sisa terjadual serta nyatakan dimana harus dilupuskan?

(20 markah)

3. Kaji beberapa senario di bawah dan nyatakan perundangan yang berkaitan serta berikan sebab.
 - (a) Seorang pekerja kuari terbunuh apabila timbunan serpihan batu yang sedang dibersihkan bersama beberapa orang pekerja lain, runtuh dan menimbusnya di Kuari Batu Padang Sena. Tuan punya kuari telah membuat laporan dan pegawai agensi kerajaan berkaitan telah datang menyiasat.
 - (b) Pegawai keselamatan diperlukan di tapak pembangunan untuk memastikan keselamatan dikekalkan pada setiap masa. Di tempat yang menggunakan bahan kimia perlu ada pengawasan dari doktor yang berkelayakan dalam kesihatan pekerjaan. Dari statistik di dapati tapak pembinaan mempunyai tahap kematian yang agak merisaukan, iaitu pada tahun 1998 sahaja terdapat hampir 1500 kemalangan.

- (c) Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menyita satu kilang tidak sah dan menjumpai 150 tong bahan sisa terjadual. Pegawai JAS telah mengambil sampel sementara pegawai dari perbandaran mengkompaunkan operator kilang tersebut. JAS masih mengumpul bukti tentang operasi kilang tersebut, termasuk kilang-kilang yang telah menghantar bahan sisa terjadual ke tapak tersebut.
(20 markah)
4. (a) Berikan tanggungjawab seorang majikan dan juga pekerja di bawah kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
(b) Apakah syarat penubuhan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja?
(20 markah)
5. Apakah USECCH dan berikan fasal-fasal yang terkandung di dalamnya.
(20 markah)
6. Jelaskan istilah di bawah berhubung dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
(a) Had siling
(b) Pendedahan purata berpemberat masa lapan jam
(c) Penggunaan kelengkapan pelindung diri
(d) Penyediaan Pelan Kecemasan Tapak
(20 markah)